

Mahasiswa sertai *Voice of KZIUM*

MERIAH. Institut Kong Zi, Universiti Malaya (UM) menganjurkan pertandingan nyanyian lagu bahasa Mandarin dikenali *Voice of KZIUM* yang terbuka untuk mahasiswa di institusi pengajian tinggi di seluruh negara di UM baru-baru ini.

Pengarah institut berkenaan, Prof. Madya Dr. Noor Zalina Mahmood berkata, pertandingan kali kelima diadakan itu mendapat sambutan yang baik daripada mahasiswa pelbagai kaum.

“Para peserta terdiri dari mahasiswa dari Universiti Teknologi Mara, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia



Pahang, dan Universiti Sains Malaysia.

“Pertandingan ini secara langsung telah membantu menjayakan misi penubuhan Institut

Kong Zi, selain melestari bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar, terutamanya dalam kalangan penutur bukan Cina,” katanya.

SEBAHAGIAN para peserta bergambar kenangan ketika menyertai pertandingan nyanyian lagu bahasa Mandarin anjuran Institut Kong Zi, Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.